

MAHATHIR-BARISAN

1984

LABUAN, 15 APRIL (BERNAMA)—DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUMUMKAN HARI INI LIMA ORANG ANGGOTA BEBAS DEWAN RAKYAT DARI SABAH DITERIMA MASUK SEBAGAI WAKIL RAKYAT BARISAN NASIONAL.

MEREKA IALAH ENCIK YUSOF YAAKOB (HILIR PADAS), ENCIK HASSAN ALBAN SANDUKONG (LABUK BUGUT) HAJI YA JAYA LAMPONG (KOTA BELUT), ENCIK AFFENDI STEPHEN (MARUDU) DAN ENCIK ABDULLAH ABDUL HAMID (SILAM).

PERDANA MENTERI MENGUMUMKAN KEPUTUSAN TERSEBUT KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MASYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL DI SINI.

MEREKA ITU YANG MERUPAKAN ANGGOTA PARTI BERJAYA TELAH MEMENANGI KERUSI MEREKA DALAM PILIHANRAYA TAHUN 1982 SEBAGAI CALON BEBAS.

DALAM PILIHANRAYA ITU MEREKA TELAH MENGALAHKAN CALON-CALON DARI USNO YANG BERTANDING ATAS TIKET BARISAN NASIONAL.

BERIKUTAN DENGAN ITU, BARISAN NASIONAL TELAH MEMUTUSKAN MEREKA TIDAK DITERIMA UNTUK MEWAKILI BARISAN NASIONAL DI DEWAN RAKYAT WALAUPUN MEREKA TELAH DITERIMA MENJADI ANGGOTA PARTI BERJAYA SEMULA.--LAGI 1800/HM

MAHATHIR-BARISAN 2 LABUAN

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN BERKATA MESYUARAT HARI INI BERSEJUJU SUPAYA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL AKAN DATANG DIADAKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA.

KATANYA JUGA PARTI BERJAYA TELAH MENCADANGKAN AGAR MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL DIADAKAN DI SABAH PADA PENGHUJUNG TAHUN 1985. MESYUARAT ITU TIDAK AKAN DIADAKAN DI LABUAN, DAN BUKAN LAGI MENJADI SEBAHAGIAN DARI SABAH KETIKA ITU.

MENGENAI KRISIS DALAM MCA, BELIAU BERKATA KRISIS ITU HENDAKLAH DISELESAIKAN OLEH PARTI ITU SENDIRI DAN MCA SETAKAT INI BELUM MEMINTA

BARISAN NASIONAL CAMPURTANGAN DALAM KRISIS MEREKA.

KATANYA JUGA BELIAU TELAH MENEMUI BEKAS PRESIDEN MCA, DATUK LEE SAN CHOON DIMANA KRISIS DALAM PARTI MCA ITU TELAH TURUT DIBINCANGKAN.  
--BERNAMA 1803/HM